

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF**  
**[ PETRAJAYA ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 10**

**Minta MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kadar pengangguran semasa di Malaysia dan apakah usaha pihak Kementerian untuk membantu belia terutamanya dalam mendapatkan pekerjaan. Bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun 2019 mencatatkan kadar 3.4% manakala kadar pengangguran belia adalah 10.9%. Sebagai usaha bagi membantu golongan belia meningkatkan kebolehpasaran dan mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- (i) Menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja serta menganjurkan program

## SOALAN NO: 10

penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS serta Program Penempatan Golongan Khas. Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari-Mac 2019, seramai 3,890 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;

- (ii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;
- (iii) Mewujudkan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE) bertujuan membantu graduan menganggur mendapat latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri, selain meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran dengan sasaran memanfaatkan 4,000 belia lepasan sekolah dan graduan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, seramai 3,110 pelatih berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui inisiatif ini;
- (iv) Melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui *Talent Corp* dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah SIP, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Seramai 76,000 belia di

## SOALAN NO: 10

kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini; dan

- (v) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran belia khususnya graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa mengutamakan warga tempatan dalam pengambilan pekerja dan berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing kepada tidak melebihi 15% daripada tenaga kerja seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

3. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan majikan memilih pekerja tempatan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing.
- (ii) Kerajaan juga turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam *Portal JobsMalaysia* dan berusaha mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Setelah terbukti tiada pekerja tempatan yang berminat baharulah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengeluarkan Sijil Perakuan

## SOALAN NO: 10

Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing.

- (iii) Selain itu, penggajian pekerja asing hanya terbuka kepada lima (5) sektor formal iaitu sector Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perkilangan dan Perkhidmatan (sub-sektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu (1) sektor informal iaitu Pembantu Rumah Asing (PRA).
- (iv) Meningkatkan aktiviti pemeriksaan berkanun terhadap majikan bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang dan kebajikan pekerja terus terpelihara; dan
- (v) Menambahbaik system pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan.

4. Kesimpulannya, Kerajaan dari masa ke semasa akan menambah baik langkah-langkah sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan dan mengatasi kadar pengangguran seterusnya mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing.